

Jemput pemerhati Komanwel tinjau perjalanan pilihanraya umum

PM: Kerajaan sedia berbincang dengan parti pembangkang

SEPANG 1 Julai - Dato Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedia berbincang dengan parti - parti pembangkang dalam usaha menjemput para pemerhati dari negara - negara Komanwel meninjau dan memerhatikan perjalanan pilihanraya umum akan datang.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan berpendapat perbincangan itu perlu bagi mengetahui dan mendapatkan maklum balas dari parti - parti pembangkang tentang langkah untuk menjemput para pemerhati luar itu.

Bercakap kepada para pemberita di majlis perhimpunan rakyat di Bagan Lalang di sini hari ini, Dato' Sri Dr. Mahathir menjelaskan, setakat ini kerajaan belum membuat sebarang undangan kepada para pemerhati luar itu.

"Kita sedang mengkaji cara - cara untuk melaksanakan langkah tersebut dan kerajaan

UM 2 - JUL 1990
sudah menghubungi Setiausaha Agung Komanwel, Sir Sridath Ramphal mengenai langkah itu," ujarnya.

"Kerajaan sanggup berbincang dengan parti lawan bagi mengetahui apa yang mereka mahu cakap tetapi kalau hendak dikenakan syarat itu dan ini, susahlah sikit," tambahnya.

Meninjau

DAP baru - baru ini ada meminta kerajaan membenarkan para pemerhati tempatan di samping pemerhati dari luar untuk meninjau perjalanan pilihanraya umum akan datang.

Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang ketika menyambut langkah kerajaan itu berkata, para pemerhati Komanwel tidak boleh memonopoli peranan berkenaan malah para pemerhati tempatan juga patut dijemput.

Ditanya mengenai lawatan

beliau ke seluruh negara yang sedang rancak dijalankan, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau mendapati rakyat memberi sokongan dan sambutan yang amat baik di setiap tempat yang dilawati.

"Saya dapati rakyat begitu bersemangat menyokong kerajaan dan tinjauan saya menunjukkan kerajaan Barisan Nasional (BN) boleh mencapai kejayaan lagi dalam pilihanraya umum akan datang," tegas beliau.

Mengenai manifesto BN, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa isi manifesto itu masih dikaji walaupun garis kasarnya sudah dibuat.

Menurutnya, manifesto BN akan memberi penekanan kepada sebab - sebab kenapa BN mesti terus diberi mandat untuk memerintah.

"BN yakin dapat mengekalkan kestabilan yang ada dan ini tidak mungkin dapat dilakukan oleh parti - parti la-

wan," tambahnya.

Mengenai alasan Setiausaha Agung MTUC, Encik V. David yang menyatakan bahawa rakyat telah diberi maklumat yang salah tentang penglibatannya dalam usaha untuk menarik balik taraf GSP, Perdana Menteri berkata, selama ini Encik David yang memberi maklumat yang salah.

Kata beliau, Setiausaha Agung MTUC itu memberi gambaran yang salah tentang keadaan di negara ini sedangkan beliau tahu tanpa GSP barang - barang keluaran negara tidak akan dapat bersaing.

"Dia kata nak sokong. Sokong dengan syarat iaitu mahu menyokong usaha kerajaan mempertahankan taraf GSP tetapi mendesak kesatuan membuat berbagai tuntutan kepada kerajaan berhubung dengan nasib para pekerja di sini," tambahnya.

Kata beliau, sekiranya ditubuhkan kesatuan sekerja elektronik, ini boleh mendorong berlakunya tindakan perusahan dan mogok seperti yang berlaku di Kilang Hitachi baru - baru ini.